

1984

KEMAMAN, 10 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MERASMIKAN PEMASANGAN LOJI UTAMA PROJEK KOMPLEKS BESINAJA-KELULI YANG SEDANG DIBANGUNKAN DI TELUK KALONG DEKAT SINI.

PROJEK HOT BRIGUETTED IRON (HBI) DAN BILLET MILIK PERWAJA TRENGGANU SENDIRIAN BERNAMA IAITU USAHASAMA ANTARA PERBADANAN INDUSTRI BERAT MALAYSIA (HICOM) DENGAN SEBUAH PERBADANAN NEGERI DAN KUMPULAN KUMPULAN SYARIKAT SYARIKAT JEPUN BERTAMBAH *1,000 JUTA.

DALAM TAKLIMATNYA KEPADA PERDANA MENTERI Pengerusi HICOM TAN SRI MOHAMMED JAMIL JAN BERKATA PROJEK ITU APABILA MEMULAKAN OPERASINYA DALAM BULAN APRIL TAHUN DEPAN DIJANGKA MAMPU MENGELUARKAN 600,000 TAN HBI DAN 559,000 TAN KELULI BILLET SETAHUN.

HICOM MEMILIKI 31 PERATUS EKUITI SYARIKAT TERSEBUT MANAKALA PERBADANAN NEGERI TERSEBUT 19 PERATUS DAN KUMPULAN SYARIKAT-SYARIKAT JEPUN BERKENAAN 30 PERATUS.

--LAGI 1918/AN

ICIC 8641

MAHATHIR-HICOM 2 KEMAMAN

TAN S R E JAMIL BERKATA SYARIKAT ITU KINI MEMPUNYAI 1,000 KAKITANGAN TERMASUK 115 TENAGA PENGURUSAN.

KATANYA PROJEK ITU MENEPATI O E N G A N MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU DAN OASAR PANOANG KE TIMUR KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA KEMUDIAN BAHAWA BELIAU KAGUM O E N G A N KEMAJUAN PROJEK ITU.

+SEMASA SAYA DATANG KE SINI SETAHUN L A L W BELUM ADA SATU BANGUNAN PUN DIDIRIKAN+, KATANYA.

APABILA DITANYA MENGENAI MASALAH KAKITANGAN ASING DENGAN PARA PEKERJA TEMPATAN, BELIAU BERKATA MASALAH SAMA JUGA DIHADAPI DI KALANGAN PARA PEKERJA TEHPATAN SENDIRI.

--LAGI 1920/AN

MAHATHIR-HICOM 3 KEMAMAN

KATANYA PARA PEKERJA ASING INGIN BEKERJA SEPANJANG WAKTU UNTUK MENYIAPKAN PROJEK MANAKALA PARA PEKERJA TEMPATAN LEBIH MENGUTAMAKAN KERJA IKUT WAKTU.

BELIAU BERKATA PARA PEKERJA TEMPATAN PERLU MENYESUAIKAN DIRI DENGAN CARA BEKERJA PEKERJA-PEKERJA ASING YANG DIDATANGKAN KE NEGARA INI UNTUK MENGENDALIKAN PROJEK-PROJEK BESAR.

BELIAU BERSETUJU JAWATANKUASA BERSAMA DITUBUHKAN DI SETIAP PERUSAHAAN YANG MELIBATKAN TENAGA KERJA ASING SUPAYA PERSEFAHAMAN LEBIH ERAT DAPAT DIWUJUDKAN DIANTARA PARA PEKERJA TEMPATAN DAN ASING.

MENGENAI DAKWAAN BAHAWA KONTREKTER TEMPATAN KHUSUSNYA BUMIPUTRA TIDAK MENDAPAT SUB-KONTREK DARI PERUSAHAAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DASAR DAN PANDUAN PEMBERIAN KONTREK SUDAH SEDEMIKIAN RUPA DAN BELIAU PERCAYA IA BOLEH DISELESAIKAN OLEH KERAJAAN NEGERI TRENGGANU.

BELIAU BERKATA SETIAP KONTREKTER Y A N G INGIN MENDAPATKAN SEBUAH PROJEK ITU PERLU LAH MEMENUHI SYARAT Y A N G DITETAPKAN BAGI PENGENDALIAN PROJEK BERKENAAN.

--LAGI 1923/AN

ICIC 8643

MAHATHIR-HICOM 4 KEMAMAN

DITANYA S A H A R A HICOM BERCADANG MEMBINA LEBIH BANYAK LAGI PROJEK-NYA DI TRENGGANU, PERDANA MENTERI BERKATA +TRENGGANU SUOAH PUN MEMPUNYAI BANYAK INDUSTRI SEDEMIKIAN, BERILAH P E L U A N G KEPADA NEGERI LAIN PULA+.

PEROAMA MENTERI KEMUDIAN MELAWAT OERMAGA TIMUR PELABUHAN KEMAMAN YANG SEOANG DIBINA DEKAT SINI.

BELIAU DAN ROMBONGAN KEMUDIAN BERLEPAS KE PULAU PERHENTIAN OAN PULANG KE KUALA LUMPUR ESOK.

--BERNAMA 1928/AN